

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	DENDA RM2.58 JUTA, SETEMPAT, HM -5 MARITIM MALAYSIA TAHAN EMPAT LELAKI WARGA ASING, NASIONAL, BH -14 SYOR AKTA SAMA SENJATA API, NASIONAL, BH -14 'JEJAS TERUMBU KARANG, HIDUPAN LAUT', NASIONAL, BH -14 PENTERNAKAN KARANG BANTU JANA EKONOMI, SETEMPAT, HM -13 ANTI-FISH BOMBING EFFORTS NET GOOD RESULTS, NATION, THE STAR -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	KEDAH ANJUR KONVESYEN PADI ANTARABANGSA SEPTEMBER, BERITA, BH (UTARA) -67	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11.	TAMBAK LAUT DI PULAU PINANG RUGIKAN BUMIPUTERA, FORUM, UM -21 MACC WON'T INVESTIGATE IF AGRICULTURE MINISTER'S SECRETARY ABLE TO PROVE HIS INNOCENCE, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A16 FARMER: SOW SEEDS OF SUCCESS WITH YOUTHS, NATION/NEWS, NST -11 'NEIGHBOURS THOUGHT I WAS CRAZY, BUT DUMPSITE NOW FILLED WITH PLANTS', NATION/NEWS, NST -11	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



IKAN NAK PUPUS
Ikan alihairi pakuhi (hamp) ekspedisi, stok dan daya penampungannya pada tahap memulau dan memerlukan pemuliharaan segera.
Mazua Pengusaha Perikanan, Gunung Kemuning, Pahang

- ▶ Stok ikan alihairi pakuhi hanya tinggal 43 peratus
- ▶ Kemampuan falka hanya 30 tahun
- ▶ 980,000 ton ikan alihairi pakuhi telah diletakkan ke laut dalam kebanyakan
- ▶ RM3 bilion untuk RM6 bilion kecek
- ▶ Hanya 50 peratus diperolehi di pasaran di Malaysia

LAPORAN Harian Metro 11 Julai



APMM MAHU 4 KAPAL INDUK
Majlis Perlesenan di bawah ke Suruhanjaya Perikanan



RM100,000 UPAH KILON BOT

LAPORAN Harian Metro 12 Julai

LAPORAN Harian Metro 9 Julai

LAPORAN Harian Metro melaporkan pencenobohan nelayan Vietnam di perairan negara.

Denda RM2.58 juta

18 nelayan Vietnam didapati bersalah guna pukat tunda

Zaid Iffah Zulkifly
zaidiffah@metro.com.my

Kuala Terengganu

Seramai 18 nelayan Vietnam termasuk dua tekong didenda RM2.58 juta di Mahkamah Sesyen di sini, semalam se-

lepas didapati bersalah menangkap ikan menggunakan dua bot pukat tunda dan membuang pukat ke laut bagi menghapuskan bukti.

Keputusan itu dibuat Hakim Azman Mustapha selepas semua tertuduh berusia antara 21 hingga 54 tahun itu didapati bersalah terhadap dua pertuduhan mengingkari

Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan satu lagi pertuduhan mengingkari Seksyen 29 Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Bagi pertuduhan pertama mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Azman menjatuhkan hukuman denda RM700,000 terhadap tekongnya mana-

Bagi pertuduhan ketiga iaitu menggunakan pukat tunda, seorang lagi tekong

didenda RM700,000 manakala empat awak-awaknya pula didenda RM60,000.

Mahkamah mengarahkan dua tekong masing-masing berusia 42 dan 47 tahun dipenjara tiga tahun manakala hukuman penjara satu tahun bagi 16 awak-awak sekiranya mereka gagal menjelaskan denda itu.

Selain itu, mahkamah memerintahkan semua barang kes yang disita dalam kes tiga-tiga kes termasuk dua vesel penangkapan ikan asing dihucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, semua tertuduh didakwa menangkap ikan secara bersama menggunakan pukat tunda dua bot bagi manakala bagi pertuduhan kedua, 13 daripada mereka didakwa membuang pukat ke laut bagi menghapuskan bukti.

Semua kesalahan itu dilakukan di perairan perikanan Malaysia pada jarak antara 72 hingga 79 batu nautika dari Kuala Terengganu, antara jam 7:05 hingga 8 pagi pada 19 Mei 2018.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Mohamad Afiq Taqiwidin Koslan manakala semua tertuduh diwakili Mohd Subaimi Ismail, Muhammad Syabri Adnan dan Muhammad Fitri Mokhtar.

Sebelum ini, kehadiran mereka di lokasi dikesan kapal APMM yang membuat rondaan selepas disyaki menjalankan aktiviti menangkap ikan secara tunda ganding.

Sebaik menyedari kehadiran penguatkuasa, dua bot itu cuba melarikan diri dengan sebuah daripadanya melepaskan tali pukat di dalam air bagi menghapuskan bukti.

Hasil pemeriksaan, APMM menemui pukat dan ikan di atas geladak bot itu sebelum mereka dibawa balik ke jeti APMM Kuala Terengganu untuk siasatan lanjut.

Berdasarkan rekod, jumlah denda yang dikenakan sedalam adalah paling tinggi di negara membabitkan kesalahan nelayan asing.

Maritim Malaysia tahan empat lelaki warga asing

Lahad Datu: Empat lelaki ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kerana dipercayai melakukan aktiviti mengebom ikan di perairan Tabawan, Kunak, kelmarin.

Dalam kejadian jam 11 pagi itu, kumpulan lelaki warga asing itu dilaporkan cuba melarikan diri ke kawasan paya bakau, namun ditahan hasil tindakan pantas anggota Maritim Malaysia.

Pengarah Zon Maritim Lahad Datu, Komander Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh, berkata semua empat individu yang menaiki dua bot pam itu dikesan dalam operasi rondaan rutin Maritim Malaysia di sekitar perairan berkenaan.

Katanya, sebaik ditahan, empat lelaki dikenal pasti sebagai Bajau Palauh itu gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri.

"Hasil pemeriksaan mendapati ada beberapa peralatan mengebom ikan bersama bekalan ikan disyaki hasil pengeboman ikan. Semua suspek ditahan berusia lingkungan 25 hingga 60 tahun," katanya dalam kenyataan di sini.

Abdul Muhaimin berkata, hasil rampasan termasuk bot dan enjin pam dianggarkan bernilai RM10,000.

Katanya, semua barang rampasan dibawa di Jeti Perikanan Lahad Datu dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Bahan Letupan 1967.

Sementara itu, Abdul Muhaimin berkata, mengikut rekod, tangkapan itu kes pertama dilakukan di Zon Maritim Lahad Datu, tahun ini.

"Pasukan Maritim Malaysia di Zon Maritim Lahad Datu akan terus meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan bagi mengekang pelanggaran undang-undang di perairan Lahad Datu dan Kunak," katanya.

Beliau berkata, orang ramai diminta bekerjasama menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti jenayah dan bom ikan ke Zon Maritim Semporna di talian 08-9792619 atau MERS 999.



Hasil pemeriksaan mendapati ada beberapa peralatan mengebom ikan bersama bekalan ikan disyaki hasil pengeboman ikan.

**Abdul Muhaimin Muhammad Salleh,
Pengarah Zon Maritim
Lahad Datu**

Syor akta sama senjata api

Pesalah boleh dikenakan hukuman lebih berat

Oleh Mohd Izham
Urup Abdullah
thaddius@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kerajaan negeri mahu kesalahan kegiatan bom ikan dikategorikan sama seperti kesalahan berkaitan senjata api bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap individu yang melakukan kegiatan itu di perairan negeri ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Junz Wong, berkata menerusi pendekatan itu, ia bermakna sesiapa yang ditahan bakal berdepan tindakan yang sama dengan kesalahan memiliki senjata api tidak berlesen.

Katanya, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, antara lain memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan sebatan tidak kurang enam kali bagi mana-mana individu ditahan dan disabitkan kesalahan memiliki senjata api tanpa lesen. "Ketika ini kebanyakan individu yang ditahan atas kesalahan menangkap ikan dengan bom hanya didenda. Jadi sudah tiba masanya kita mengubah kategori bom ikan sebagai jenis senjata api supaya tindakan berat boleh diambil terhadap pemilikinya," katanya.

Kelika ini peruntukan undang-undang digunakan untuk kes bom ikan adalah mengikut Seksyen 26 (1) Akta Perikanan 1985 yang menetapkan denda se-



Anggota Pasukan Polis Marin (PPM) melancarkan operasi bersepadu bersama Jabatan Perikanan bagi mengesan tangkapan menggunakan kaedah bom ikan, di pasar Lahad Datu, semalam. [Foto ihsan PPM]

Laporan Khas

Saya cadangkan supaya hukuman berat, termasuk mati dikenakan terhadap pelakunya supaya semua takut melakukan aktiviti pengeboman ikan di perairan kita.

Junz Wong,
Menteri Pertanian dan Industri
Makanan Sabah

hingga RM1 juta bagi kapal dan nakhoda asing, denda tidak melebihi RM100,000 bagi kru kapal, manakala denda hingga RM20,000 atau penjara hingga dua tahun atau kedua-dua bagi yang lain.

Satu lagi adalah mengikut Seksyen 8, Akta Bahan Letupan 1957, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Gesaan meningkatkan hukuman turut disuarakan sendiri Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, dalam maklum balasnya mengenai insiden pengeboman ikan, termasuk di kawasan Parlimen Semporna yang diwakilinya.

"Saya harap tindakan tegas diambil kepada pihak terbabit khususnya dari segi penggunaan bom ikan yang memang sudah lama. Kita sudah nyatakan dan saya selaku Ahli Parlimen Sem-

porna sudah menyuarakan berulang kali mengenai perkara ini," katanya.

Aktivis sosial dan hak asasi manusia Sabah, Datuk Patrick Sindu, berkata hukuman denda dan penjara yang dikenakan bagi kesalahan mengembom ikan ketika ini masih ringan dan dipandang mudah pihak yang sering melakukan kegiatan itu.

"Saya mencadangkan supaya hukuman berat, termasuk mati dikenakan terhadap pelakunya supaya semua takut melakukan aktiviti pengeboman ikan di perairan kita. Kalau di negara lain, saya dengar ada yang ditembak jika dikesan.

"Bayangkan sudah berputuh tahun kita menggunakan undang-undang dengan hukuman sama tetapi tiada apa-apa kesan untuk menghalang kegiatan itu, jadi sudah sampai masanya kita mengenakan hukuman yang lebih berat," katanya.

'Jejas terumbu karang, hidupan laut'

Kota Kinabalu: Walaupun sukar untuk mengenal pasti kerosakan terumbu karang di sesuatu perairan disebabkan aktiviti bom ikan, hakikat kegiatan itu membawa kemusnahan terhadap sumber perikanan tidak dapat disangkal.

Perkara itu dijelaskan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Muhammad Ali Syed Hussein, yang terbabit dalam program penyelidikan marin dan kesedaran komuniti sekolah serta nelayan termasuk yang berkaitan aktiviti bom ikan.

Beliau berkata, penyelidik biasanya sukar membezakan kerosakan yang disebabkan bom ikan, memandangkan kerosakan terumbu karang juga boleh di-

sebabkan beberapa faktor lain seperti ribut atau laut bergelora, sauh kapal dan pukuk.

"Kecuali jika kita nampak aktiviti pengeboman ikan berlaku dan pemeriksaan dijalankan, maka itu jelas jika ada kerosakan terhadap terumbu karang sudah tentu ia berpunca daripada letupan bom.

"Begitu juga jika pemeriksaan di dasar laut mendapati ada batu besar terbelah, maka tiada sebab lain jika bukan berpunca daripada letupan bom ikan. Namun, agak sukar untuk menentukan secara tepat kerosakan yang kita nampak di dasar laut disebabkan oleh bom ikan.

"Bagaimanapun, kita tidak menafikan kegiatan pengeboman ikan menyebabkan kerosakan terhadap terumbu karang selain

kematian ikan, cuma kita tidak tahu sejauh mana seriusnya kerosakan disebabkan aktiviti itu," katanya kepada BH.

Muhammad Ali berkata, di pihak IPMB, walaupun tiada penyelidikan khusus mengenai kerosakan disebabkan kegiatan bom ikan di Sabah setakat ini, agensi itu sentiasa menyelitikan maklumat berkaitan keburukan aktiviti itu dalam program komunitinya.

Beliau berkata, menerusi program berkenaan, IPMB berkunjung ke sekolah dan kampung terpilih untuk mendekati pelajar dan masyarakat nelayan sambil memberikan bimbingan dan nasihat berkaitan penjagaan sumber marin, termasuk mengelak penggunaan bahan letupan.

"Contohnya, melalui program

sambutan Hari Lautan Sedunia, kita mengadakan beberapa aktiviti bersama masyarakat dan pelajar sekolah. Kita akan manfaat aktiviti itu untuk menerangkan kesan negatif bom ikan di samping maklumat lain berkaitan marin," katanya.

Sementara itu, berjasarakan carian BH menerusi internet, sebutir bom ikan seberat kira-kira satu kilogram dikatakan boleh merosakkan kawasan terumbu karang seluas kira-kira 500 meter persegi.

Berbandukan maklumat itu, jika ada 1,000 bom ikan dengan berat yang sama diletupkan di perairan negeri ini, bermakna kira-kira 500 kilometer persegi kawasan terumbu karang yang menjadi habitat pelbagai jenis hidupan laut musnah.

Hamizah Badran
hamizah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Keindahan dasar laut di Pulau Bidong, Terengganu yang masih dipenuhi hidupan laut utamanya terumbu karang dan artifak peninggalan sejarah sungguh cantik lantas menjadikannya ibarat taman permainan kepada pencinta aktiviti menyelam.

Mengikut sejarah, pulau ini pernah menjadi tempat perlindungan sementara pelarian Vietnam (orang hanyut) dari 1975 hingga 1991 dan banyak kesan peninggalan mereka seperti pinggan mangkuk dan bot yang karam hingga menjadi 'tempat tinggal' hidupan laut seperti terumbu karang yang berwarna-warni.

Baru-baru ini Harian Metro berpeluang menjajakan kaki ke Pulau Bidong bersama Telekom Malaysia Berhad (TM) yang membawa rombongan media serpena program Corals Malaysia Incubators 2019 di Ladang Coral Yayasan Coral Malaysia, membolehkan penulis melihat sendiri keindahan Pulau Bidong dan keunikan terumbu karang di situ.

Program edisi ketiga ini mendapat kerjasama dan sokongan daripada kerajaan negeri Terengganu, Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) dan Yayasan Coral Malaysia (YCM) yang dianjurkan di bawah inisiatif tanggungjawab korporat (CR) TM.

Program itu berlangsung dalam suasana santai, tetapi meriah dengan kehadiran sukarelawan TM yang dikenali sebagai TMROVERS, inkubator karang tempatan dan YCM sendiri. Ia dilancarkan oleh Nalw Presiden Jenarna dan Komunikasi Kumpulan TM, Izlyn Ramli serta Presiden YCM, Jamharijah Jaafar.

Menurut Izlyn, program itu bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pemuliharaan alam sekitar dan kepentingan ekosistem marin untuk kelestarian alam semula jadi melalui program propagasi karang.

"Sebagai organisasi korporat yang prihatin, TM sentiasa memanfaatkan peluang diberikan bagi pihak kami memainkan peranan penting dalam pembangunan negara melangkaui produk dan perkhidmatan ditawarkan.

"Menerusi pelbagai program CR yang dilakukan,



INKUBATOR dan antara anggota TM serta YCM yang menyertai program Corals Malaysia Incubators 2019 di Pulau Bidong.

Penternakan karang bantu jana ekonomi

■ Pulau Bidong lokasi tampung permintaan peminat akuarium marin

kami mengutamakan aspek pendidikan di mana melalui juga berupaya memperkasa komuniti berpengetahuan dalam memulihara alam sekitar.

"Kami percaya, setiap elemen di muka bumi ini mempunyai keistimewaan tersendiri dan saling berhubung serta bergantung di antara satu sama lain.

"Oleh itu, kita semua perlu sentiasa memainkan peranan masing-masing dengan lebih aktif bagi memastikan kelestarian ekosistem alam semula jadi agar generasi muda terutama anak-anak sekarang mendapat manfaatnya kelak," katanya.

Turut menggemari aktiviti laut seperti selam skuba dan snorkel, Izlyn akui tidak dapat memolak hakikat betapa keindahan pulau kecil itu pantas menggamit nauri pengunjung yang datang.

Malah, dia yang baru pertama kali menjajakan kaki ke Pulau Bidong terkesima dek pesona pasir halus

memutih serta keindahan pulau yang amat privasi.

Tambah Izlyn, program Corals Malaysia Incubators 2019 itu adalah kolaborasi bermakna antara TM dan YCM yang terjalin sejak 2017 dalam perkongsian misi bagi inisiatif pemuliharaan karang.

Program itu berkembang bukan sahaja memfokus terhadap propagasi karang bagi pemuliharaan marin malah berpotensi memberi pendapatan alternatif buat komuniti nelayan tempatan.

Berkongsi lebih lanjut, Jamharijah berkata, projek penternakan karang ini dimulakan pada 2014 selepas pihaknya mendapat kebulusan daripada DoF.

Katanya, ketika itu YCM menggunakan pelbagai kaedah dan cara, namun mereka memperoleh satu rumusan baharu selepas membuat satu lawatan ke Bali, Indonesia. Sejak itu, usaha penstrukturan semula projek propagasi

dimulakan.

"Antara aspek yang diberi penekanan dalam penstrukturan semula itu adalah cara penternakan, pemuliharaan dan pemuliharaan, pengurusan industri, kepakaran atau latihan dan pengeluaran atau eksport.

"Aktiviti perusahaan menerusi penternakan karang mampu menjana pendapatan kepada golongan nelayan sekiranya diusahakan secara komersial kerana pasaran produk industri marin itu sangat meluas di seluruh dunia.

"Pengeluaran karang secara komersial berpotensi menembusi pasaran dunia dan meningkatkan pendapatan nelayan setempat jika diuruskan secara sistematik, mengikut protokol dan mendapat kerjasama agensi berkaitan," katanya.

Tambah Jamharijah, YCM satu-satunya pihak yang diberikan lesen di Malaysia untuk mengusahakan ladang karang

secara komersial oleh DoF bagi menampung permintaan tinggi daripada peminat akuarium marin dari seluruh dunia.

"Sehingga kini, seramai lapan inkubator termasuk dua nelayan terlibat secara serius dalam penternakan karang di Pulau Bidong.

"Sasaran kami juga terdiri daripada graduan dalam bidang marin dan akuatik untuk turut sama terlibat dalam program ini," katanya.

Projek penternakan karang dimulakan sejak 2014 di dasar laut Pulau Bidong dan kini mempunyai 65 meja karang bagi program inkubator ini dan kira-kira 6,500 unit karang berjaya dipropagasikan.

Seorang inkubator, Muhammad Akmal Mohd Dahlan, 34, berkata, sebelum ini dia tidak tahu karang boleh dijadikan sumber

ekonomi yang menguntungkan.

"Saya tertarik untuk menyertai program ini selepas mengikuti aktiviti di bawah inisiatif Corals Malaysia sebagai TM ROVERS sejak 2017. Dari situ baru saya mengetahui selain menambah pendapatan, saya juga dapat mempelajari teknik penanaman semula karang yang betul bagi tujuan komersial," katanya.

Rombongan media turut berpeluang melihat sendiri ladang penternakan karang yang diternak oleh peserta inkubator di dasar laut serta berpeluang melakukan sendiri teknik propagasi karang mengikut teknik yang betul.

Langkah propagasi yang betul adalah dengan memotong mana-mana bahagian induk karang yang sihat dan melekatkannya ke dalam ceper simen menggunakan gam organik. Pembiakan karang boleh dilakukan di dalam tangki menggunakan air laut yang dirawat dan ditapis bersih.

Bagi menghasilkan benih ternakan, ia boleh diambil daripada keratan (tunas karang induk liar yang banyak terlapat di sekitar perairan di situ. Tunas yang dipotong daripada induk dilekat dan dibarikan di dalam ceper berkenaan hingga tapaknya mengeras.

Kemudian, anak tunas dipindahkan ke dalam tangki pembiakan yang dilengkapi dengan sistem pengedaran lengkap dan diberi makan. Lazimnya, proses pengkulturan ini mengambil masa selama tiga hingga enam bulan untuk mencapai saiz pasaran.

Kebanyakan karang yang dibalik oleh YCM adalah daripada spesies acropora sp dan sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP), 10 peratus daripada karang itu akan dikembalikan semula ke ekosistem marin untuk memastikan pembiakan semula karang berkenaan lebih mampan di Pulau Bidong.

TM dan YCM mengembalikan kumpulan pertama 10 peratus berkenaan ke 'pokok karang TM' (asas dua lapisan) yang terletak di Galeri Bawah Laut Malaysia di situ.

Selebihnya akan dipantau oleh DoF sepertimana kuota yang diluluskan oleh Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Liar Flora dan Fauna Terancam (CITES) di Geneva bagi memastikan karang berkenaan mematuhi proses pengkomersialan.



Anti-fish bombing efforts net good results

KOTA KINABALU: The marine police say the aggressive action against fish bombing and traders who sell this kind of fish in markets is showing some positive results.

Sabah Marine Police commander Asst Comm Mohamad Pajeri Ali said a joint operation with the State Fisheries Department yesterday did not detect any case of fishermen using this method or traders selling the fish caught in such a manner.

ACP Pajeri said they inspected 11 boats and six traditional fishing platforms at sea known as *bagang*.

"We found all the boats had a fishing licence and followed the rules and regulations.

"None were involved in any blast fishing in Indrasabah and Merotai Bay waters off Tawau," he said.

ACP Pajeri said the operation would continue as they were focused on an all-out effort to wipe out the decade-old menace across Sabah.

"This is to ensure the safety of traditional fishermen, tourists as well as to protect the marine ecosystem," he added.

A similar check at Lahad Datu town's fish market on Wednesday also did not find bombed fish being sold.

Headline	Kedah anjur Konvensyen Padi Antarabangsa September		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	26 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	67	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,764
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,292



Mukhriz menumbuk padi simbolik perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kedah di Alor Setar, semalam. (Foto Sharul Hafiz Zam JWB)

Kedah anjur Konvensyen Padi Antarabangsa September

Alor Setar: Kedah akan menganjurkan Konvensyen Padi Antarabangsa pada September depan untuk membiayai pelbagai idea memabitkan pakar pertanian dalam usaha merangka pelan pembangunan sektor pertanian negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata konvensyen itu akan turut membiayai usaha menarik lebih ramai generasi muda menyertai sektor pertanian yang mampu menjadi sumber ekonomi kukuh.

Katanya, program itu penting bagi memberikan impak kepada peladang, penternak dan nelayan untuk meningkatkan pendapatan.

"Walaupun pertanian menjadi

antara sektor terpenting dan berpotensi berkembang, ia masih ada kekangan yang perlu diberi perhatian dan tindakan dengan salah satunya adalah isu majoriti pesawah sudah berusia.

"Bantuan mendapati lebih separtu daripada jumlah petani yang berada di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berusia lebih 60 tahun," katanya ketika merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kedah (HPPNK) 2019 di sini, semalam.

Mukhriz berharap pengajuran HPPNK dapat menarik minat orang muda mencemburi bidang pertanian dan mendedahkan mereka kepada sektor itu yang mampu memberi pulangan lumayan.

Katanya, HPPNK sangat besar artinya bukan sahaja kepada warga peladang, penternak dan nelayan, tetapi juga pada kerajaan negeri serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Kesempatan ini boleh diguna peladang dan petani untuk berinteraksi bersama pihak industri, mempelajari ilmu atau mendapat pengetahuan baharu sama ada daripada agensi penyelidikan kerajaan atau swasta.

"Usaha ini juga komitmen kerajaan negeri dan Persekutuan yang memberi sumbangan dalam bentuk penyediaan peruntukan, prasarana, penuduhcara, hebelan dan berbagai lagi sebagai tanda sokongan kepada golongan sasaran," katanya.

Tambak laut di Pulau Pinang rugikan bumiputera?

SAUDARA PENGARANG.

MAJLIS Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) khuatir dengan kesungguhan kerajaan Pulau Pinang untuk melaksanakan projek tambak laut di perairan selatan (PSR) negeri itu yang akan menyebabkan kebinasaan alam sekitar yang besar, tidak masuk akal dari segi kewangan dan merugikan golongan bumiputera.

Berdasarkan kajian MTEM, projek PSR akan membinasakan hidupan laut, memburukkan krisis lambakan hartanah dan menjejaskan kebajikan penduduk di selatan Pulau Pinang yang kebanyakannya bumiputera.

Pertama, menentuhkan mengenai hidupan laut, selatan Pulau Pinang mempunyai ciri-ciri fizikal amat sesuai untuk menjadikannya zon pembiakan ikan dan penyu. Oleh sebab itu, ramai ahli akademik di Universiti Sains Malaysia (USM) mencadangkan agar kawasan yang digelar sebagai 'zon emas marin' terletak berhampiran Pulau Kendi dan Pulau Rimau dijadikan Taman Marin Kebangsaan.

Projek PSR yang merangkumi kawasan seluas 1,821 hektar dan terletak hanya beberapa ratus meter dari pantai sudah pasti akan merosakkan hidupan laut.

Kedua, projek PSR juga akan meningkatkan lambakan hartanah yang semakin genting akibat kegagalan pihak berkuasa untuk mengawal selia syarikat-syarikat yang rakus memburu untung jangka pendek dengan membina rumah mewah dan bangunan komersial pada kadar jauh lebih banyak daripada diperlukan pasaran.

Menurut Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

(JPPH), jumlah lebihan rumah (residential overhang) sekarang meningkat sebanyak 30.6 peratus kepada 32,313 unit dengan nilai RM19.9 bilion. Berdasarkan fakta ini, adakah projek PSR masuk akal dari segi kewangan?

Adakah kerajaan Pulau Pinang lupa bahawa kebanyakan tanah dan penduduk di negeri itu bukanlah berada di kawasan pulau tetapi di Seberang Perai? Mengapa kerajaan negeri begitu ghairah melaksanakan projek PSR sedangkan pertambahan penduduk adalah lebih besar di Seberang Perai?

Sepatutnya lebih banyak rumah dibina di Seberang Perai yang mempunyai lebihan tanah yang boleh dibangunkan tanpa perlu melalui proses penambakan laut yang kosnya begitu tinggi.

Ketiga, penduduk bumiputera di selatan Pulau Pinang termasuk juga nelayan amat bergantung kepada sumber laut untuk menjana pendapatan. Kerosakan alam sekitar yang besar akibat projek PSR akan menyebabkan nelayan terbabit paling terjejas.

Kehilangan punca rezeki akan memaksa nelayan ini berhijrah ke Seberang Perai dan Kedah. Jika tiada tindakan susulan selepas demonstrasi dibuat oleh nelayan terbabit baru-baru ini akan menguatkan persepsi bahawa kerajaan Pulau Pinang tidak prihatin dengan perasaan dan kedudukan orang Melayu di negeri itu, khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Menurut data Jabatan Perangkaan, peratusan penduduk bumiputera di bahagian pulau negeri itu telah turun sebanyak 0.7 peratus dari 2000 ke 2010. Projek PSR,

sekiranya tidak membekalkan perumahan mampu milik yang mencukupi pastinya akan mengurangkan lagi peratusan penduduk bumiputera di situ.

MTEM bimbang DAP yang memerintah di negeri itu sekarang sebenarnya melihat kemungkinan berkenaan dengan positif kerana penguasaan politik parti itu di Pulau Pinang akan semakin kukuh dengan pengasingan pengundi bumiputera ke Seberang Perai.

Pihak kami menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menghalang keghairahan kerajaan Pulau Pinang dengan projek tambak laut berkenaan. Projek ini mesti dibatalkan. Pihak kami bimbang kerakusan kerajaan negeri bagi menarik pelaburan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang hanya menguntungkan segelintir pihak akan menjejaskan sokongan bumiputera kepada kerajaan Pakatan Harapan di seluruh negara.

Jika perkara ini tidak diendahkan, sumpahan projek ternakan udang di Kerpan, Kubang Pasu yang menguburkan kerjaya politik Menteri Besar Kedah lama dahulu akan berulang kepada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Dari sudut pandang kelestarian ekonomi, projek sebegini perlu ditolak kerana hanya menguntungkan golongan pemodal. Ramai ahli ekonomi terkemuka meramalkan pendekatan sebegini akan membawa kepada pencemaran alam sekitar, ketidaksamarataan sosial, isu kesihatan dan akhirnya kemerosotan ekonomi.

AHMAD YAZID OTHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif MTEM



SEBAGIAN ahli pertubuhan bulcan kerajaan mengadakan demonstrasi membantah projek tambak laut di selatan Pulau Pinang berhampiran bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Headline	MACC won't investigate if Agriculture Minister's secretary able to prove his innocence		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	26 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A16	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,297
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,892



农长秘书证明清白 反贪会不再追究

吉隆坡25日讯

一名日前涉嫌收取价值2万8000令吉名表指控的农业及农基工业部长政治秘书，已证明自己的清白。

首相署（法律事务）部长拿督刘伟强今日表示，这名47岁的政治秘书，已证明他的名表是自己花钱所购买，反贪会已决定不再追究。「反贪会释放他，是因为他能够解释，自己是如何得到这笔钱来购买手表。」

他表示，该名官员早在反贪会采取行动前，就已经表明自己在相关案件中的利害关系。

刘伟强今日在围会上议院问答环节，向答围阵上议员依布拉欣沙的附加提问时，如是说。

今年4月1日，农长政治秘书被指收取名表，作为一家发展商成功投标某发展项目的酬劳，被反贪会逮捕，惟在4天后获释。当时，反贪会是援引《2009年反贪会法令》第16(a)(A)条文调查此案。

农业部长沙拉胡丁当时也指出，所谓的发展项目是不存在的。

刘伟强今日说，反贪会已经决定不会继续调查两宗涉及部长助理的贿赂案。

此外，沙巴民兴党上议员迪奥多询问，政府是否计划把总检察署的提控权转移至反贪会；刘伟强答道，政府会研究此事。

TECHNOLOGY

FARMER: SOW SEEDS OF SUCCESS WITH YOUTHS

Young Farmer Icon hopes his success will inspire others to work hard

BEATRICE NITA JAY
KUALA LUMPUR
beatrice@nst.com.my

JAAPAR Zakaria, 46, was named the Muda Agricultural Development Authority (Mada) Young Farmer Icon yesterday, and he hopes that the younger generation will be given better opportunities to farm.

Jaafar, from Sanglang, Kedah, who has been in the industry for more than 30 years, said youths were interested in farming but were not given the chance because farming was often associated with the older generation.

"In Kedah, only 30 per cent of us (farmers) are from the younger generation. Youths have the interest but no one is willing to give them a chance to start out.

"It is also difficult for them to

get land to plant crops. I'm not saying that older farmers have lost their interest, but if they are willing to give space to youths, I believe there would be a larger yield."

Jaafar, who owns a padi field and a harumanis mango farm, said with technology, the industry could move progressively. He said he used a drone to spray insecticide on his plants.

He said he was overjoyed at being named the Young Farmer Icon, adding that this was the first time he had won an award in the state.

"It's not easy to win an award and be an icon for the youths, but I hope this will inspire others that with hard work, anything is possible.

"Being a farmer is not a nine-to-five job. It requires a lot of sacrifice. Since I've been in the padi

industry, I can say that it's not just about planting and checking. I do my own research to ensure the crops give a good yield.

"Some days are tougher, but with proper knowledge and hard

work, you can overcome it," said Jaafar, who won the Outstanding Rice Farmer award from the International Rice Institute in Manila last year.

He has also been to conferences in Indonesia, the Philippines, Brunei and Vietnam to talk about his successes in padi farming.

He said it was important for farmers to attend conferences as they could discuss ways to improve crop yields.

Farmers in Kedah have adopted Jaafar's method of having a test plot in front of his house, which serves as a small-scale research area. He said he was able to test the most suitable method to get a good padi yield.

Being a farmer is not a nine-to-five job. It requires a lot of sacrifice. Since I've been in the padi industry, I can say that it's not just about planting and checking.

JAAFAR ZAKARIA
farmer

SPRIT OF
MALAYSIA



Jaafar Zakaria measuring padi plants at a test plot in front of his house in Sanglang, Kedah, recently. PIC BY SHAHRIZAL MD NOOR

GREEN HAVEN

'Neighbours thought I was crazy, but dumpsite now filled with plants'

KUALA PILAH: Upset at seeing a plot of land becoming a dumpsite for construction materials, retired civil servant Zakaria Othman from Taman Putra, near here, decided to take matters into his own hands.

He removed almost a tonne of rubbish from the site near his home and transformed it into a mini plantation. That was 10 years ago.

Now, his project has borne fruit. The 0.1ha plot is home to plants such as chilli, sunflower and banana.

Zakaria said his neighbours thought he was crazy when he

first started.

"I love to plant vegetables but it was hard to find a nice area until I came across the plot. When people learnt of my plans, they said I was crazy as the area was filled with rubbish. They also said the land could be infertile. However, I pressed on."

Zakaria said he began by planting a few chilli plants. When that worked, he grew other plants.

"Now, there are more than 10 types of plants in this mini plantation.

"I've planted banana, spinach, eggplant, papaya, ladies fingers, lemongrass, pandan, long beans,



Zakaria Othman at his mini plantation in Taman Putra, Kuala Pilah, Negri Sembilan, recently. PIC BY AMRAN YAHYA

coconut and sunflowers."

He said he planned to expand his green haven.

"The challenge is to remove stones from the site. I've used some of them as decoration."

He also said he would share the harvest with his neighbours. **By Amran Yahya**